

02/02/2003

Pemborong, pengedar berlesen turut dalangi seludup beras

Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Pemborong dan pengedar beras yang dilesenkan oleh kerajaan dipercayai turut mendalangi kegiatan penyeludupan beras dan pengedarannya ke pasaran tempatan.

Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi, berkata kerajaan berjanji mengambil tindakan tegas terhadap kegiatan terbabit kerana perbuatan itu mensabotaj ekonomi negara.

Katanya, kerajaan tidak menolak kemungkinan pembabitan pemborong, tetapi kegiatan itu perlu dibuktikan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan mengetahui pihak yang terbabit dalam kegiatan haram itu dan sedang mengkaji rangkaian operasi mereka yang dijalankan secara terancang sebelum bertindak.

"Kegiatan mereka dirancang baik berdasarkan kemampuan membawa masuk beras dalam kuantiti besar.

"Negara memerlukan kira-kira 1.8 juta tan beras setahun, manakala pengeluaran tempatan 1.2 juta tan dan Bernas mengimport kira-kira 480,000 tan. Ini bermakna lebih 100,000 tan dibawa masuk ke dalam negara dari sumber lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini, semalam. Majlis itu dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mohd Effendi berkata, kerajaan juga mengkaji kelemahan lain yang menyebabkan masalah penyeludupan beras berterusan setiap tahun, termasuk dari segi penguatkuasaan.

Katanya, penyeludupan bukan saja berlaku di darat, malah di perairan negara, termasuk di Sabah dan Sarawak menyebabkan masalah itu jika tidak ditangani akan menjadi lebih besar.

Selain itu, katanya hukuman terhadap mereka yang terbabit dalam penyeludupan beras adalah ringan.

Mengikut Akta 522 Kawalan Padi dan Beras 1994, hukuman yang dikenakan terhadap penyeludup beras adalah denda hingga RM15,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya. Syarikat yang disabitkan kesalahan kerana menguruskan beras tanpa lesen pula dikenakan denda RM25,000.

"Oleh kerana perbuatan mereka memberi kesan buruk kepada pesawah dan ekonomi negara, hukuman lebih tegas yang melebihi hukuman terhadap pengedaran cakera padat video (VCD) perlu dikenakan. Kerajaan sedang mengkaji untuk mengenakan hukuman sebat dan penjara lebih panjang terhadap pihak terbabit," katanya.

Sementara itu, beliau memberi jaminan kerajaan, khususnya Timbalan Perdana Menteri memberi perhatian serius terhadap nasib petani.